



MAJLIS BANDARAYA DIRAJA KLANG

JAWATAN KOSONG

Permohonan adalah dipelawa daripada kakitangan Majlis Bandaraya Diraja Klang (MBDK) / warganegara Malaysia yang berkelayakan dan berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan bagi mengisi kekosongan jawatan-jawatan seperti berikut di Majlis Bandaraya Diraja Klang (MBDK). **Keutamaan akan diberi kepada rakyat DYMM Sultan Selangor Darul Ehsan.**

BIL	JAWATAN	GRED	KEKOSONGAN	
			TETAP	KONTRAK
GRED LANTIKAN				
1.	PEGAWAI KESIHATAN PERSEKITARAN	U41	1	
2.	PEGAWAI PERANCANG BANDAR DAN DESA	J41	1	
3.	ARKITEK	J41	1	
4.	PENOLONG PEGAWAI TEKNOLOGI MAKLUMAT	FA29	1	
5.	PENOLONG PEGAWAI TADBIR	N29	1	
6.	PENOLONG JURUTERA	JA29		2
7.	AHLI MUZIK	B29		1
8.	PENOLONG PEGAWAI KESELAMATAN	KP29		1
9.	AHLI MUZIK	B19		1
10.	PEMANDU KENDERAAN	H11	12	
11.	PEMBANTU OPERASI	N11		1

KLASIFIKASI PERKHIDMATAN

- B - Perkhidmatan Bakat dan Seni
- FA - Sistem Maklumat
- H - Kemahiran
- J / JA - Perkhidmatan Kejuruteraan
- KP - Perkhidmatan Keselamatan dan Pertahanan Awam
- N - Pentadbiran dan Sokongan
- U - Perkhidmatan Perubatan dan Kesihatan

SYARAT-SYARAT PERMOHONAN

TERTAKLUK DIBAWAH SYARAT-SYARAT SKIM PERKHIDMATAN:

Pegawai-pegawai yang memasuki perkhidmatan ini adalah tertakluk kepada syarat-syarat skim perkhidmatan berkenaan yang sedang berkuatkuasa serta pindaan-pindaan yang dibuat ke atasnya dari masa ke semasa.

PERHATIAN KEPADA PEMOHON:

- i. Permohonan hendaklah dibuat melalui **Sistem Pengurusan Sumber Manusia (SPSM)** secara *online* dengan melayari laman web <https://www.mbdk.gov.my>.
- ii. Permohonan melalui *online* **Sistem Pengurusan Sumber Manusia (SPSM)** hendaklah disertakan dengan muat naik gambar berukuran passport dan salinan-salinan sijil kelahiran, kad pengenalan, sijil persekolahan, kelulusan akademik yang berkaitan dan hendaklah **disahkan terlebih dahulu oleh Wakil Rakyat/ Pegawai Kerajaan Kumpulan Pengurusan dan Profesional/ Pengetua Sekolah/ Guru Besar/ Penghulu/ Ketua Kampung sebelum muat naik dalam sistem mengikut format PDF (tidak melebihi 1.2 MB)**.
- iii. Pegawai yang sedang berkhidmat hendaklah mengemukakan borang permohonan melalui Ketua Jabatan masing-masing mengikut Peraturan-Peraturan Pegawai Awam (Pelantikan, Kenaikan Pangkat Dan Penamatan Perkhidmatan) 2012 dan menyertakan bersama-sama Kenyataan Perkhidmatan yang dikemaskini dan Laporan Penilaian Prestasi (LNPT) yang telah diakui sah.
- iv. Permohonan yang lewat diterima dan tidak mematuhi syarat-syarat yang ditetapkan tidak layak dan tidak akan dipertimbangkan.
- v. Hanya calon yang berkelayakan sahaja akan dipanggil untuk temu duga.
- vi. Pemohon-pemohon yang tidak menerima sebarang jawapan selepas enam (6) bulan dari tarikh tutup iklan hendaklah menganggap permohonan mereka tidak berjaya.
- vii. **Keutamaan diberikan kepada anak kelahiran Negeri Selangor.**

PERMOHONAN

Sila semak syarat kelayakan dan permohonan yang lebih lengkap dengan melayari laman web Majlis Bandaraya Diraja Klang di <https://www.mbdk.gov.my>.

Sebarang pertanyaan berkaitan permohonan jawatan boleh menghubungi:

**JABATAN KHIDMAT PENGURUSAN
MAJLIS BANDARAYA DIRAJA KLANG
BANGUNAN SULTAN ALAM SHAH
JALAN PERBANDARAN
41675 KLANG, SELANGOR DARUL EHSAN
NO. TELEFON: 03-3375 5555 SAMBUNGAN: 1504/1512/1524**

TARIKH PERMOHONAN : 09 SEPTEMBER 2024 HINGGA 20 SEPTEMBER 2024